

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Selamat Petang dan Salam Sejahtera

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ ،
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ

Yang Berhormat,

Awang Haji Sulaiman bin Haji Ahad,

Ahli Majlis Mesyuarat Negara,

Ketua Kampung Belingos;

Yang Mulia,

Dato Seri Setia Awang Haji Abd Aziz bin Orang

KayaMaharaja Lela Haji Md Yusof,

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama,

Selaku Penasihat Majlis Perundingan Mukim Batu

Apoi;

Yang Mulia,

Dr Haji Manaf bin Haji Metussin,

Awg Hj Mohd 'Abdoh bin Dato Seri Setia Hj Abd Salam,

Awang Haji Mohammad Sunadi bin Haji Buntar,

Awang Haji Idris bin Haji Mohd Ali

Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-

Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri;

Yang Mulia,

Awang Hj Abd Hamid bin Dato Paduka Hj Abdullah

Pegawai Daerah Temburong;

Yang Mulia Awang Haji Mat Zin bin Haji Awang,

Penghulu Mukim Batu Apoi yang diraikan;

Yang Mulia Pegawai-Pegawai Kanan Kerajaan;

*Penghulu-Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua
Kampung;*

*Ahli-Ahli Majlis Perundingan Mukim Batu Apoi dan
Ahli-Ahli Majlis Perundingan Kampung di bawah
Mukim Batu Apoi,*

Penduduk-penduduk Mukim Batu Apoi,

*Para hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah
yang dihormati sekalian.*

1. Alhamdulillah, kita bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izinNya jua membolehkan kita semua hadir di petang hari Sabtu yang bersukut baik ini

bagi menghadiri majlis yang berkebajikan lagi penuh bermakna khususnya kepada penduduk-penduduk di Mukim Batu Apoi iaitu **Majlis Penyampaian Sijil Lantikan kepada Penghulu Mukim Batu Apoi yang baru Yang Mulia Awang Haji Mat Zin bin Haji Awang.**

Selawat dan Salam keatas Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wassalam, kaum kerabat, para sahabat serta pengikut-pengikut Baginda yang taat setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

2. Saya sukacita ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Yang Mulia Pegawai Daerah Temburong dan juga kepada ahli-ahli Jawatankuasa dan pihak-pihak yang terlibat menyelenggarakan Majlis pada pagi ini, di atas penghormatan yang diberikan bagi saya hadir selaku Tetamu Kehormat dan menyempurnakan Penyampaian Sijil Lantikan kepada Penghulu Mukim Batu Apoi yang baru dan seterusnya diberi kesempatan untuk menyampaikan ucapan ringkas ini.

3. Dikesempatan awal ini, saya dengan perasaan tulus ikhlas sukacita mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Mulia Awang Haji Mat Zin bin Haji Awang, siapa atas kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah dilantik menjadi Penghulu Mukim Batu Apoi yang baru bermula secara rasminya pada 12 Januari 2015 yang lalu bagi menggantikan Yang Mulia Orang Kaya Setia Ahmad bin Haji Lakim yang telah bersara. Ucapan tahniah ini juga

ditujukan kepada isteri dan ahli keluarga beliau. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Mulia Orang Kaya Setia Ahmad bin Haji Lakim diatas perkhidmatan cemerlang beliau selama 38 tahun menjawat jawatan Penghulu Mukim Batu Apoi dan berdoa khidmat bakti tulus beliau sekian lama itu dibalas Allah Subhanahu Wata'ala dengan limpahan pahala yang berganda dan beliau dan keluarga dikurniakanNya dengan nikmat kesihatan dan kesejahteraan didalam alam persaraan.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

4. Alhamdulillah dengan berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang kita sama-sama cintai, terus mengikuti dan menikmati kemajuan dan pembangunan pesat Negara menuju sasaran Wawasan 2035.

5. Pembangunan pesat ini juga tidak mengecualikan Daerah Temburong. Beberapa projek didalam Rancangan-Rancangan Kemajuan Negara di Daerah Temburong ini, juga melibatkan pembangunan prasarana Kerajaan di Mukim Batu Apoi ini sendiri seperti Sekolah-Sekolah Rendah, Kompleks Sukan dan tidak lama lagi kompleks kekal Pusat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN). Terbinanya aset-aset strategik ini seterusnya akan menaikkan profil dan juga kepentingan Mukim Batu Apoi ini khususnya dan Daerah Temburong amnya.

6. Pada ketika ini, tadahan Mukim Batu Apoi mengandungi 20 buah kampung dengan keluasan Mukim 222 km persegi atau 85.7 batu persegi terletak diantara Mukim Bangar dan Mukim Labu. Empat (4) buah kampung utama iaitu Kampung Batu Apoi, Tanjong Bungar, Negalang dan Selapon yang masing-masing dipimpin oleh seorang Ketua Kampung. Penduduknya yang berjumlah lebih dari 1,500 orang terdiri dari berbilang puak/kaum dan pegangan agama.
7. Tadahan yang luas dan strategik ini setentunya memerlukan kepimpinan

diperingkat akar umbi yang berwibawa dan berkesan, yang memiliki kualiti kepimpinan dan keperibadian terpuji kerana kita sedia maklum tugas dan tanggungjawab seorang Penghulu Mukim dan Ketua Kampung itu adalah sangat mencabar akan tetapi sangat mulia, dihormati, dikenang dan dihargai.

8. Seorang penghulu hendaklah meletakkan diri mereka sebagai 'indung' kepada mukim dan kampung-kampung didalamnya. Para Penghulu Mukim dan Ketua-Ketua Kampung adalah tempat anak-anak buah mukim dan

kampung untuk mengadu hal samaada suka ataupun duka. Penghulu dan Ketua Kampung juga bertindak sebagai *'focal point'* dan **jambatan penghubung** antara dua hala iaitu antara mukim dan kampung masing-masing dan pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam khususnya melalui Jabatan Daerah. Mereka adalah **mata, telinga dan lidah** dalam apa jua keperluan, kepentingan dan kerjasama yang diperlukan.

9. Selain dari menunaikan amanah menyerahkan wang-wang pencen dan bantuan-bantuan yang lain, Penghulu dan Ketua Kampung juga hendaklah sentiasa mendekati dan bersama anak buah Mukim dan Kampung dalam ertikata lain akan bersama berkarih, berbasah berkering dan berhujan berpanas dalam memajukan dan mensejahterakan Mukim atau Kampung.

Hadirin dan Hadirat Penduduk dan Masyarakat Mukim Batu Apoi yang dihormati

10. Dalam hubungan ini, saya penuh percaya dan berkeyakinan dengan berbekalkan pengalaman dan

pengetahuan yang luas sebelum ini khususnya sewaktu berkhidmat dengan Kerajaan dan dengan tawakkal, keyakinan dan iltizam yang tinggi serta sokongan padu yang diberikan oleh Ketua-ketua kampung dan juga penduduk serta masyarakat Mukim dan Kampung di Mukim Batu Apoi ini, Yang Mulia Awang Haji Matzin bin Haji Awang, insya Allah akan dapat memikul tanggungjawab dan melaksanakan amanah dan kepercayaan ini dengan baik dan berkesan, meneruskan usaha-usaha baik yang telah dibuat oleh Penghulu terdahulu dan akan dapat memperkenalkan inisiatif-inisiatif baru.

11. Di kesempatan istimewa dan bersejarah bagi penghulu Awang Haji Mat Zin ini, saya tidaklah akan berpanjang lebar menghuraikan tugas dan tanggungjawab seorang Penghulu atau Ketua-Ketua Kampung itu kerana semua ini ada dijelaskan didalam Skim Perkhidmatan Penghulu-Penghulu dan juga sebahagiannya terkandung dalam ikrar Penerimaan Lantikan ini. Walau bagaimanapun, saya sukacita ingin mengambil kesempatan ini untuk menyampaikan beberapa pesanan bagi Penghulu-Penghulu dan Ketua-Ketua Kampung khususnya di Mukim Batu

Apoi ini untuk lebih berperanan
antaranya :-

**a) Mengukuhkan Majlis Perundingan
Mukim dan Kampung [MPMK].**

Majlis Perundingan Mukim dan
Majlis Perundingan Kampung yang
sudah ujud hendaklah dikukuhkan
dalam usaha meningkatkan
perpaduan dua Mukim dan Kampung
dalam ertikata lain sentiasa
bermuafakat dan bersepadu di dalam
memenuhi aspirasi dan matlamat
dalam kemajuan Mukim dan
Kampung. Tanpa adanya perpaduan

dan permuafakatan sudah tentu hala tuju dan objektif pembangunan tidak akan tercapai dengan baiknya.

Permesyuaratan bersama Penasihat-Penasihat Majlis Perundingan Mukim hendaklah diadakan secara kerap dan berjadual, dengannya strategi dan kaedah-kaedah serta pendekatan baru dapat dibincangkan dan dilaksanakan dalam usaha memajukan Mukim Batu Apoi dan Kampung-kampung di dalamnya.

b) Memantapkan Pengawasan Kejiranan Kampung.

Pengawasan Kejiranan Kampung yang baru diaktifkan semula oleh Pasukan Polis Diraja Brunei dan digabungkan dengan Biro Keselamatan Majlis Perundingan Mukim/Kampung dimana Penghulu atau Ketua Kampung adalah pengerusinya, mestilah benar-benar aktif berfungsi kearah menentukan kesejahteraan, keamanan dan keselamatan mukim sentiasa ujud terjamin disamping dapat mengurangkan kadar jenayah. Walaupun kita menyedari keamanan dan kesejahteraan itu janganlah

hanya dilihat dari statistik kejadian jenayah sahaja.

c) Melengkapkan dan Mengemas-kinikan 'Daftar Penduduk' Mukim dan Kampung.

Daftar penduduk ini termasuk mereka-mereka/saudara mara yang menumpang sementara atau pendatang yang menyewa di rumah-rumah penduduk kampung hendaklah sentiasa lengkap dan tepat. Penghulu dan Ketua Kampung juga hendaklah peka dan sensitif akan terdapatnya projek-projek

samaada Kerajaan atau Swasta didalam Mukim dan Kampung mereka dimana dalam pelaksanaan projek-projek ini juga terdapat pekerja-pekerja asing yang perlu dimasukkan dalam 'daftar penduduk' tersebut. Daftar yang sentiasa kemaskini dan tepat ini setentunya akan lebih memudahkan pentadbiran, pengurusan dan pengawasan baik diwaktu aman atau musibah. Ianya hendaklah dimasukkan di dalam Laporan Bulanan Penghulu-Penghulu untuk

pengetahuan dan perhatian Jabatan Daerah dan juga Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

d) Kebersihan dan Keindahan Mukim dan Kampung.

Adalah tanggungjawab dan keutamaan bagi semua pihak untuk menjaga Kebersihan dan Keindahan Mukim dan Kampung. Kebersihan ini meliputi kawasan rumah-rumah persendirian, prasarana-prasarana, kemudahan-kemudahan awam, jalan-jalan raya dan sungai-sungai

dan sebagainya. Mukim Batu Apoi mempunyai banyak tempat semulajadi yang indah dan menarik bermula dari Sungai Batu Apoi nyajuga Taman Aie Tenub dan Wasai Daraya Rimba nya.

Jika perkara kebersihan dan keindahan ini tidak diambil perhatian dengan *serious* atau dibiarkan terbiar dan tercemar sudah setentunya keadaan akan kelihatan menyedihkan, mengaibkan dan tidak menarik yang juga boleh mengakibatkan gejala negatif yang

tidak diingini termasuk pembiakan serangga dan haiwan punca dan penyebar penyakit dan sebagainya.

e) Projek Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Anugerah Kampung Cemerlang (AKC) dan Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Peryertaan di projek-projek strategik Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ini hendaklah diteruskan dan ditingkatkan dimana kampung-kampung di Mukim Batu Apoi telah aktif menyertainya. Projek 1K1P

hendak-lah dinilai dari masa ke semasa bagi mencapai objektif jangka pendek, sederhana dan jangka panjang kearah menjana sosio ekonomi dan pendapatan penduduk Mukim dan Kampung. Sudah setentunya ada produk-produk baru yang lebih menarik dan berkesan bagi jangka panjang yang akan dapat memberikan pulangan besar dan sumber pekerjaan kepada anak-anak buah Mukim/Kampung terutamanya generasi muda yang masih mencari pekerjaan.

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian,

12. Akhirnya, pada kesempatan di hari bahagia dan bersejarah ini, saya sukacita menyeru penduduk-penduduk Mukim Batu Apoi supaya akan dapat memberikan kerjasama dan sokongan padu kepada Yang Mulia Awang Haji Mat Zin bin Haji Awang selaku Penghulu Mukim Batu Apoi yang baru dan keluarga beliau. Juga diharapkan kepada Yang Mulia Awang Haji Mat Zin bin Haji Awang akan menggiatkan usaha dalam mengelinga dan memeduli keperluan dan kepentingan anak-anak buah dan masyarakat di Mukim ini dan

akan menunaikan tugas dan tanggungjawab dengan sempurna dan cemerlang.

13. Marilah kita semua sama-sama berdoa semoga Yang Mulia Penghulu Awang Haji Mat Zin bin Haji Awang dan keluarga akan sentiasa mendapat rahmat, taufik dan hidayah daripada Allah Subhanahu Wata'ala dalam memimpin dan menerajui penduduk di Mukim Batu Apoi dan Kampung-Kampung didalamnya. Mukim Batu Apoi akan terus maju jaya dan menikmati kesejahteraan, keamanan

dan keselamatan begitu juga hendaknya kepada Daerah Temburong dan Negara Brunei Darussalam.

Amin Ya Rabbal 'Alamiin

Sekian.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته